



Ruj Kami: ANM/POPA/SPP/3/6 (158)
Tarikh: 06 September 2012

Semua Pegawai Pengawal

Y.Bhg Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2013

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa jabatan ini akan mewujudkan dan mengemas kini **Kod Perakaunan Kementerian** bagi tahun kewangan 2013. Kod perakaunan yang terlibat ialah Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK), Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt) dan Profil Kod Kementerian/Jabatan.

1. Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK)

- 1.1 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** PTJ/PK hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK).
- 1.2 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi PTJ/PK tahun kewangan 2012 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2013, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018A – Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos.

Kod PTJ/PK baru (Tahun 2013) mesti diwujudkan terlebih dahulu sebelum Jadual Penukaran dapat diproses.

2. Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt)

- 2.1 Semua Kod Prog/Akt seperti Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013 akan diwujudkan secara automatik ke dalam sistem GFMAS. Walau bagaimanapun, jika profil kementerian/jabatan memerlukan paras terendah (sub aktiviti), kod Prog/Akt berkenaan perlu diwujudkan melalui borang JAN/MD 005A.
- 2.2 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** Prog/Akt hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 005A – Borang Kod Program/Aktiviti.
- 2.3 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi Prog/Akt tahun kewangan 2012 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2013, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018B – Borang Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti.

3. Profil Kod Kementerian/Jabatan

- 3.1 Sekiranya terdapat perubahan **Profil Kod** kementerian/jabatan, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/Jabatan.
 - 3.2 Profil kod kementerian/jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan, iaitu sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.
4. Panduan untuk mengisi borang, senarai kod negeri/daerah dan kod negara serta penjenisan mengikut sektor boleh dimuat turun daripada portal rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia di alamat <http://www.anm.gov.my>.
5. Borang-borang yang telah dilengkapkan (satu salinan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **9 November 2012** ke alamat berikut:


Jabatan Akauntan Negara
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA
(u.p.: **Dr. Yacob bin Mustafa**)

6. Bagi kementerian/jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan berkenaan, **pengesahan secara bertulis** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **9 November 2012**. Sila hubungi Seksyen Perakaunan Persekutuan, BPOPA di talian 03-88821495, 03-88821523 dan 03-88821518 untuk maklumat lanjut.
7. Kerjasama dan tindakan sewajarnya bagi mengemas kini kod perakaunan tahun kewangan 2013 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan’

Saya yang menurut perintah,


(HAWAZAIN BINTI SHAARI)
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k.:

Setiausaha Bahagian Kewangan/Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri